

119

R B136 BAH
MAHATHIR - SIKAP

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- PARA PENIAGA DAN PENJAJA KECIL MELAYU DIGESA MENGUBAH SIKAP DAN MENERIMA PEMBAHARUAN DEMI MENINGKAT KEPADA PERNIAGAAN YANG LEBIH BESAR, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MENJADI PENIAGA KECIL SAHAJA DAN SEHUBUNGAN DENGAN INI, MEREKA HENDAK MELENGKAPKAN DIRI DENGAN PENGURUSAN PERNIAGAAN YANG TERATUR.

SEMASA BERUCAP PADA MALAM ANUGERAH 87 GABUNGAN PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU MALAYSIA DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA KEBANYAKAN USAHAWAN YANG BERJAYA DI DUNIA BERMULA SECARA KECIL-KECILAN.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH, MCDONALD HAMBURGER YANG DIMULAKAN SECARA KECIL-KECILAN OLEH DUA BERADIK KINI MENJADI PERNIAGAAN +GERGASI+ DAN MAHU MELIHAT PENIAGA KECIL NEGARA INI MENUBUHKAN PERNIAGAAN GERGASI YANG TERKENAL DI SELURUH DUNIA PADA SUATU HARI NANTI.

BELIAU GEMBIRA KERANA CADANGANNYA SUPAYA PERNIAGAAN SATAY YANG SUATU MASA DULU DIJALANKAN SECARA KECIL-KECILAN DIJALANKAN SECARA KOMERSIL OLEH MARA MELALUI SATAY RIA YANG MENGUNTUNGAN PENIAGA KECIL LAIN. -- LAGI
0047MST 05 04 87

D118

R B135 BAH
MAHATHIR - SIKAP 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, PERNIAGAAN SATAY PERLU DIPERKEMBANGKAN SECARA FRANCISE DAN MUNGKIN BOLEH MENGATASI PERNIAGAAN MCDONALD KERANA SAYAT BUKAN SAHAJA DIGEMARI OLEH SEMUA MASYARAKAT NEGARA INI BAHKAN MASYARAKAT LUAR.

PERDANA MENTERI BERKATA +TUJUAN MARA BUKANLAH HENDAK MEREKUT PELUANG PERNIAGAAN PENIAGA KECIL TETAPI MEMBERI PELUANG KEPADA PENIAGA KECIL YANG LAIN MEMULAKAN PERNIAGAAN WALAUPUN MEREKA TIDAK TAHU MEMBUAT SATAY+.

+PERNIAGAAN MAKANAN MELAYU YANG SEMEMANGNYA LAZAT AMAT SUKAR DICARI DI RESTORAN-RESTORAN DI KUALA LUMPUR SEDANGKAN PERNIAGAAN ITU BERPOTENSI MENJADI PERNIAGAAN YANG MENGUNTUNGAN.

PENIAGA MELAYU PERLU CEKAP MENGURUSKAN PERNIAGAAN YANG BESAR KERANA JIKA TIDAK CEKAP, BAGAIMANAKAH MEREKA HENDAK MENGURANGKAN KOS DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN.

+NASIB PENIAGA KECIL BOLEH DIPERTINGKAT JIKA MEREKA SANGGUP MENGUBAH SIKAP,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI
0044MST 05 04 87

D125

R B139 BAH
MAHATHIR - SIKAP 3 KUALA LUMPUR (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

BELIAU BERKATA KEMELESETAN EKONOMI BUKANLAH SESUATU YANG BOLEH DIJANGKA DAN SEHUBUNGAN DENGAN INI PARA PENIAGA KECIL HENDAKLAH BERANI MENGHADAPI KENYATAAN ITU DAN BERUSAHA MENCAPI KEJAYAAN.

KERAJAAN SEDAR RAMAI YANG KEHILANGAN PEKERJAAN AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI DAN MEMANDANGKAN KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBANTU SECARA LANGSUNG, MAKA MEREKA HENDAKLAH MENJALANKAN PERNIAGAAN SECARA KECIL-KECILAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR LALU BERKATA BELIAU YAKIN EKONOMI NEGARA AKAN PULIH KERANA SUDAH ADA TANDA-TANDA KE ARAH ITU.

+WALAUPI NEGARA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI TETAPI SEHINGGA INI BELUM ADA RAKYAT YANG KEBULURAN,+ TEGAS PERDANA MENTERI. -- LAGI
0109MST 05 04 87

R B138 BAH
MAHATHIR - SIKAP 4 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA YANG DIANUGERAHKAN GELARAN +BAPA PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU MALAYSIA+ DALAM UCAPAN TERIMA KASIHNYA BERKATA BELIAU YAKIN EKONOMI MALAYSIA AKAN MAJU.

BELIAU BERKATA BARU-BARU INI BAHAWA BEBERAPA ORANG PENIAGA DARI JEPUN, KANADA DAN ITALI YANG MELAWAT NEGARA INI MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MELABUR DI MALAYSIA.

MENURUT BELIAU, EKORAN LAWATAN ITU, BELIAU AKAN MENGATURKAN LAWATAN KE NEGARA-NEGARA BERKENAAN UNTUK MENARIK LEBIH BANYAK PELABURAN KE NEGARA INI.

ENCIK GHAFAR YAKIN BAHAWA MENJELANG TAHUN 2000, NEGARA DAPAT BERDIKARI DAN TIDAK ADA LAGI PELABURAN ASING DI NEGARA INI MENJELANG AWAL ABAD KE-21.

-- BERNAMA
0108MST 05 04 87

D116

R B134 BAH
PENIAGA - SIKAP

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- PARA PENIAGA DAN PENJAJA KECIL MELAYU DIGESA MENGUBAH SIKAP DAN MENERIMA PEMBAHARUAN DEMI MENINGKAT KEPADA PERNIAGAAN YANG LEBIH BESAR, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MENJADI PENIAGA KECIL SAHAJA DAN SEHUBUNGAN DENGAN INI, MEREKA HENDAK MELENGKAPKAN DIRI DENGAN PENGURUSAN PERNIAGAAN YANG TERATUR.

SEMASA BERUCAP PADA MALAM ANUGERAH 87 GABUNGAN PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU MALAYSIA DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA KEBANYAKAN USAHAWAN YANG BERJAYA DI DUNIA BERMULA SECARA KECIL-KECILAN.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH, MCDONALD HAMBURGER YANG DIMULAKAN SECARA KECIL-KECILAN OLEH DUA BERADIK KINI MENJADI PERNIAGAAN +GERGASI+ DAN MAHU MELIHAT PENIAGA KECIL NEGARA INI MENUBUHKAN PERNIAGAAN GERGASI YANG TERKENAL DI SELURUH DUNIA PADA SUATU HARI NANTI.

BELIAU GEMBIRA KERANA CADANGANNYA SUPAYA PERNIAGAAN SATAY YANG SUATU MASA DULU DIJALANKAN SECARA KECIL-KECILAN DIJALANKAN SECARA KOMERSIL OLEH MARA MELALUI SATAY RIA YANG MENGUNTUNGGAN PENIAGA KECIL LAIN. -- BERNAMA

0032MST 05 04 87